

Warga emas terkejut mayat bayi dalam perigi

Kosmo 31/6/2011

M 2.

Oleh KHAIRI MOHAMAD

khairi.mohamad@kosmo.com.my

KOTA BHARU - Hasrat seorang warga emas untuk membersihkan diri selepas membuang air besar terbantut apabila menemui mayat seorang bayi diletakkan dalam sebuah beg yang ditemui terapung di dalam perigi sedalam kira-kira lima meter.

Seorang penoreh getah, Tuan Mat Tuan Lonik, 64, berkata, kejadian tersebut berlaku kira-kira pukul 8 pagi semalam ketika dia ke kebun getahnya di Kampung Kubang Kacang, Limbat dekat sini untuk menoreh.

Menurutnya, sebaik tiba di kebun, perutnya tiba-tiba sakit dan dia ke kawasan semak untuk membuang air besar sebelum ke perigi tersebut untuk membersihkan diri.

"Ketika saya cuba mengambil air menggunakan baldi yang diikat dengan tali, saya ternampak sebuah beg pakaian di dalamnya. Saya hairan sebab ketika saya datang ke perigi semalam, beg tersebut belum ada.

"Saya terpaksa dapatkan sebatang buluh untuk membawa naik beg tersebut kerana perigi tersebut agak dalam dan selepas berjaya membawa naik beg tersebut alangkah terkejutnya apabila saya mendapati mayat seorang bayi berada di dalamnya," ceritanya ketika ditemui semalam.

Tambahnya, dia terus bergegas pulang ke rumah membersihkan diri sebelum memberitahu penghulu dan orang kampung mengenai kejadian tersebut serta melaporkan kepada pihak polis.

Sementara itu, Ketua Polis Kelantan, Datuk Jalalluddin Abdul Rahman berkata, pihaknya percaya bayi perempuan yang cukup sifat serta masih bertali pusat itu dilahirkan sejak dua atau tiga hari lalu.

Katanya, selain bayi yang diletakkan di dalam sebuah beg, pihaknya menemui satu bungkusan yang mengandungi baju, kain batik sarung, baju dan seluar dalam serta tuala yang mempunyai kesan darah.

"Kita percaya barangan yang ditemui kira-kira 20 meter dari perigi tersebut relevan dengan kes melibatkan bayi tersebut. Mayat



TUAN MAT menceritakan mengenai mayat bayi yang dijumpainya kepada seorang pegawai polis di Kampung Kubang Kacang, Limbat, Kota Bharu semalam.

Manusia berhat syaitan

Kepala bayi baharu lahir pecah dicampur dari pangsapuri

KERATAN muka depan *Kosmo!* 2 Jun 2011.

bayi tersebut dihantar ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II) untuk bedah siasat.

"Polis sedang mengesan mereka yang bertanggungjawab dan kes tersebut disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan," ujarnya.

Beliau berkata, saksi kejadian atau mereka yang mempunyai maklumat berkaitan kes tersebut diminta tampil untuk membantu siasatan pihak polis.



ANGGOTA forensik memeriksa beberapa barang bukti yang ditemui berdekatan perigi tempat mayat bayi dibuang.